

Igauan kala hujan

■ Rumah penduduk, surau
bermandi lumpur banjir kilat

Oleh Yusliza Yakimir Abd Talib
yusliza@mediaprima.com.my
Kuala Lumpur

Hujan lebat seolah-olah menjadi mimpi ngeri buat penduduk Kampung Maidin, Jalan Klang Lama apabila mereka terpaksa berdepan banjir kilat setiap kali hujan. Keadaan bertambah buruk apabila projek pembinaan bersebelahan kampung itu tidak menyediakan saliran, sebaliknya membawa lumpur dari tapak pembinaan ke longkang di kampung terabit apabila hujan.

Pengerusi Rukun Tetangga

Kampung Maidin, Mohd Rosli Ali berkata, kejadian banjir terbaru yang berlaku dua minggu lalu meninggalkan kesan kepada 16 penduduk di kampung itu apabila hujan tidak sampai 30 minit menyebabkan kawasan dinaiki air 1.2 meter.

“Dalam seminggu, dua kali rumah kami ditenggelami air menyebabkan barangan di rumah musnah.

“Ketika kejadian itu, kebanyakan penghuni tiada di rumah dan tidak sempat menyelamatkan barangan hingga kami kerugian ribuan ringgit.

“Malah satu-satunya surau

yang dapat menampung kira-kira 60 jemaah di kawasan berhampiran juga terjejas teruk apabila tikar serta sejadah musnah dan tidak dapat digunakan lagi.

“Kami terpaksa membersihkan surau empat kali bagi menghilangkan kesan lumpur akibat banjir,” katanya ketika ditemui.

Mohd Rosli berkata, penyelenggaraan longkang di kampung itu sebelum ini di-

laksanakan sebulan sekali, namun sudah hampir setahun dihentikan menyebabkan longkang dipenuhi semak-samun.

“Kami sudah adukan masalah ini pada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur,” katanya.

Lebih memburukkan keadaan katanya, kilang dibina atas saliran longkang dari kampung itu yang menyukarkan kerja pembersihan.

Sementara itu, penduduk kampung, Suleha Salleh, 47, berkata, selain bimbang banjir kilat, kawasan berkenaan terdedah kepada ancaman demam denggi.

“Dulu memang banjir jika hujan lebat dan berpanjangan, tetapi paling banyak pun hanya dua kali setahun.

“Bagaimanapun sejak projek pembinaan bersebelahan bermula tahun lalu, kami dibelenggu kebimbangan seki-

ranya hujan lebat.

“Sekarang ini kami tidak berani meninggalkan rumah kerana bimbang tidak sempat menyelamatkan barangan jika berlaku banjir kilat,” katanya.

Penduduk, Rosnah Ibrahim, 48, berkata, beliau hairan kerana sudah sekian lama tidak melihat pekerja kontraktor membersihkan longkang di kawasan perumahanya.



PENDUDUK Kampung Maidin menunjukkan kawasan yang sering berlaku banjir. Gambar kanan rumah digenangi banjir kilat.